



**IKLAN JAWATAN PENOLONG GURU TABIKA PERPADUAN GRED N11 (KONTRAK)
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
NEGERI PAHANG**

1. BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Jawatan : **Penolong Guru Tabika Perpaduan**
- 1.2 Gred Jawatan : N11
- 1.3 Taraf Jawatan : Kontrak
- 1.4 Kumpulan : Pelaksana
Perkhidmatan
- 1.5 Agensi : Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi
Nasional Negeri Pahang
- 1.6 Tempat Kekosongan : Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi
Nasional Negeri Pahang
- 1.7 Bilangan Kekosongan: Sebelas (11)

- 2. JADUAL GAJI GRED N11** : Jadual Gaji RM1216.00 – RM2983.00
(Minimum – Maksimum)

- 3. ELAUN** : Imbuan Tetap Perumahan : RM300.00
Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM 95.00
Bantuan Imbuan Sara Hidup : RM300.00

4. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- 4.1 Warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 4.2 Calon yang memiliki PMR atau setaraf dengannya hendaklah memperolehi sekurang-kurangnya Gred C dalam Subjek Bahasa Melayu serta sekurang-kurangnya Gred D dalam empat (4) subjek lain termasuk Matematik atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- 4.3 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian sekurang-kurangnya Gred C dalam Subjek Bahasa Melayu serta sekurang-kurangnya Gred E dalam empat (4) subjek lain termasuk Matematik pada peringkat PT3 atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

- 4.4 Keutamaan adalah pemohon yang mempunyai Lesen Memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (Gaji Permulaan : RM1,262.15)
- 4.5 Keutamaan permohonan adalah bagi yang menetap di **PAHANG** sahaja.

5. DESKRIPSI TUGAS

- 5.1 Membantu Guru menjalankan tugas Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) atau Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).
- 5.2 Menyediakan makanan berkhasiat untuk murid-murid mengikut panduan pengendalian makanan yang betul serta berpandukan menu yang telah ditetapkan serta pengesahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 5.3 Mengemas dan menjaga kebersihan dalam dan luar kelas.
- 5.4 Menjaga keselamatan murid-murid.
- 5.5 Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

6. CARA MEMOHON

- 6.1 Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan yang boleh diperolehi di mana-mana Pejabat Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Daerah/ Negeri atau dengan melayari laman web JPNIN di <http://www.jpnin.gov.my>.
- 6.2 Permohonan daripada pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 18, Peraturan –peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- 6.3 Borang Permohonan berserta **gambar terkini berukuran passport, salinan kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil kelulusan akademik, sijil berhenti sekolah, sijil Vaksinasi Covid-19 serta dokumen sokongan berkaitan** yang telah **DISAHKAN oleh Pegawai Kerajaan yang menjawat jawatan Kumpulan ‘A’ atau gred 41 ke atas atau Penghulu dan Ketua Kampung sebanyak dua (2) salinan** dan dihantar ke alamat seperti berikut:

Pengarah

Jabatan Perpaduan Negera & Integrasi Nasional
Negeri Pahang Darul Makmur
(Kementerian Perpaduan Negara)
Tingkat 2, Blok A-B, No. 211,213,215, 217 dan 218
Bangunan Centre Point, Jalan Haji Abdul Rahman
25000 KUANTAN PAHANG

7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 21 JUN 2024

8. PANGGILAN TEMUDUGA

8.1 Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK**:

- i) TIDAK disertakan dengan dokumen yang diperlukan
- ii) TIDAK lengkap atau tidak terang
- iii) TIDAK memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan
- iv) TIDAK menandatangani borang permohonan
- v) TIDAK mengesahkan salinan dokumen yang disertakan

8.2 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan dan memenuhi syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan akan dipanggil untuk menghadiri temuduga. Calon-calon yang tidak dihubungi selepas enam (6) daripada tarikh tutup permohonan hendaklah dianggap tidak berjaya.

8.3 Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah tanggungan sendiri dan jabatan tidak akan melayan sebarang tuntutan.

9. PERTANYAAN

9.1 Sebarang pertanyaan bolehlah diajukan kepada talian **09-5161533**.

TARIKH : 23 MEI 2024